

BAB LIMA

KESIMPULAN

5.0 Kesimpulan

Melalui kaedah penganalisan secara komponen (leksikal) yang dilakukan terhadap 300 korpus data onomatopia yang dipilih, pengkaji mendapati lexis onomatopia juga memiliki ciri-ciri yang sama seperti lexis-lexis bukan onomatopia yang lain dari aspek hubungan leksikalnya seperti polisemi, sinonimi, antonimi dan hiponimi.

Begitu juga dari aspek proses leksikal yang terlibat seperti proses inovasi leksikal yang merangkumi proses penciptaan, peminjaman dan pemerolehan motivasi, lexis onomatopia menunjukkan ciri yang serupa dengan lexis bukan onomatopia lain, cuma bagaimana ianya berlaku menggambarkan keunikan lexis onomatopia ini. Kaedah *re-creating* yang digunakan untuk mencipta suatu konsep onomatopia baru didapati sangat unik, produktif dan merupakan kaedah penciptaan yang bersifat paling ketara sekali. Konsep baru yang dicipta seterusnya akan disalurkan menerusi medium bahan cetak seperti buku komik yang berfungsi sebagai sumber pembelajaran tidak formal. Proses pembelajaran yang berlaku semasa pembacaan buku komik sebenarnya memerlukan pengwujudan serentak lexis onomatopia bersama lakaran imej. Melalui lakaran naratif artis komik, pembaca akan membuat persepsi dan seterusnya konseptualisasi terhadap lexis onomatopia yang mereka lihat / baca. Di sini, imej lakaran bertindak sebagai *signified / interpretant* yang cuba

menyampaikan makna / konsep dimana pembaca dapat membayangkan suatu pergerakan / aksi menerusi lakaran imej naratifnya. Manakala, lexis onomatopia itu pula bertindak sebagai *signifier / representamen* yang bertindak sebagai kesan bunyi khas kepada lakaran imej tersebut. Hubungan serentak yang dimaksudkan di sini adalah sebenarnya hubungan dua hala yang bersifat ikon / tidak arbitrer antara dua elemen penting di atas seperti yang didasarkan oleh teori semiotik Saussure (versi modifikasi) dan Peirce (mod kedua).

Manakala ciri-ciri pengwujudan lexis onomatopia itu sendiri dari aspek sistem ortografinya yang mempamerkan variasi saiz, paten, corak atau warna pada tulisan onomatopia ternyata memberi kesan makna tambahan kepada lexis onomatopia yang digunakan. Justeru, kesan bunyi yang terhasil keseluruhannya kelihatan begitu ekspresif dan unik sekali. Seinggakan sukar untuk lexis onomatopia itu diterjemahkan ke dalam bahasa lain, kerana tiada padanan lexis yang benar-benar sesuai seumpama konsep dan penghayatannya dalam Bahasa Jepun. Keadaan ini adakalanya menyebabkan penterjemah membentuk konsep onomatopia itu dalam bahasa sasaran seperti menurut Kanemitsu (2002),

Its [onomatopoeic] rich vocabulary and flexibility in applications has led other translators to conclude that there should be little effort made to re-create Japanese onomatopoeia in other languages. (Kanemitsu, 2002:1)

Selain bertindak sebagai kesan bunyi khas kepada imej lakaran, lexis onomatopia juga berperanan sebagai kod lisan bagi menggantikan ujaran-ujaran karakter serta penerang cerita yang kebiasaannya adalah teks-teks panjang berbentuk linear dalam

buku komik. Melalui strategi penulisan yang mengadaptasikan fungsi leksis onomatopia secara kod lisan juga kod ikon, kaedah pembacaan pantas dapat dipraktikkan pada bahan bacaan yang bercorak mudah-ringan, santai dan unik ini. Ini adalah kerana pembaca komik sentiasa ingin segera menghabiskan pembacaan mereka, disebabkan faktor kesuntukan masa ataupun sifat ingin tahu mereka pada cerita yang dipaparkan dalam edisi minggu itu. Ukurannya yang kecil, rata-rata bersaiz B4 membolehkan pembaca menghayati pembacaan mereka di mana sahaja samada di tempat lapang mahupun di tempat penuh sesak seperti di dalam keretapi.

Dari huraian yang dibuat di atas, dapatlah pengkaji membuat kesimpulan bahawa secara relatifnya leksis-leksis onomatopia dalam Bahasa Jepun mempunyai ciri-ciri keunikan dan peranan yang begitu signifikan sekali, samada kewujudannya dipengaruhi oleh sistem linguistik Bahasa Jepun mahupun kewujudannya sendiri yang mencorakkan sistem linguistik bahasa itu. Begitu juga impaknya pada masyarakat Jepun, mereka menggunakannya setiap hari, dalam setiap situasi untuk melahirkan sesuatu konsep secara jelas dan terperinci. Sikap yang sedemikian secara amnya juga melambangkan mereka sebagai bangsa yang begitu memperhalusi / menitikberatkan sesuatu konsep secara menyeluruh.

Ternyata kajian tentang penggunaan bahasa oleh onomatopia ini mampu membuktikan kepentingan leksis onomatopia dalam sistem linguistik dan sekaligus menolak dakwaan awal Saussure dan beberapa sarjana lain yang menganggap onomatopia sebagai unsur bahasa yang tidak penting dan harus dipinggirkan dalam sistem linguistik.

5.1 Cadangan

Sebagai cadangan, pengkaji ingin mengesyorkan agar lebih banyak kajian yang berkaitan onomatopia ini dilakukan, khususnya bertujuan meletakkan kedudukan leksis ini sebagai unsur yang penting juga dalam bahasa. Ini sejajar dengan teori linguistik Saussure versi modifikasi yang akhirnya mengiktiraf kewujudan onomatopia secara relatif. Salah satu kajian yang ingin dicadangkan ialah berkenaan penghasilan onomatopia di peringkat pra-linguistik oleh kanak-kanak kerana mereka ternyata mempunyai hubungan yang langsung (tanpa pembelajaran dari orang dewasa) dengan leksis onomatopia ini.